



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368000
Bil. : KEW(S) 100-4/1 KLT.4 (17)
Tarikh : 27 April 2021

Mayor
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.3/2021-
PENGURUSAN PROJEK-PROJEK DI BAWAH PROGRAM INFRASTRUKTUR
SOKONGAN DAN PROGRAM PENYENGGARAAN DAN MENAIKTARAF
JALANRAYA

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Majlis-Majlis Perbandaraan Sandakan dan Tawau, semua Pejabat Daerah dan semua Pejabat Daerah Kecil mengenai garis panduan dan prosedur yang dikaji semula bagi pengurusan projek-projek di bawah Program Infrastruktur Sokongan dan Program Penyenggaraan dan Menaiktaraf Jalanraya.

“SABAH MAJU JAYA”



Ruj : KEW(S) 100-4/1 KLT.4 (17)

Tarikh : 27 April 2021

2. LATAR BELAKANG / RASIONAL

- 2.1 Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menyemak dan menambahbaik prosedur/proses kewangan demi meningkatkan kawalan dan keberkesanan, Kementerian Kewangan memutuskan untuk memproses dan meluluskan permohonan peruntukan di bawah Program Infrastruktur Sokongan dan Program Penyelenggaraan dan Menaiktaraf Jalanraya.
- 2.2 Kementerian Kewangan telah menerima dan memproses permohonan peruntukan daripada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Majlis-Majlis Perbandaraan Sandakan dan Tawau, Pejabat-Pejabat Daerah dan Pejabat-Pejabat Daerah Kecil untuk projek-projek di bawah Program Infrastruktur Sokongan dan Program Penyelenggaraan dan Menaiktaraf Jalanraya. Diperhatikan bahawa jumlah permohonan yang diterima bagi projek-projek berkenaan kian meningkat setiap tahun dan jauh melebihi jumlah bajet tahunan yang diluluskan.

3. PROSES DAN PROSEDUR

- 3.1 Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Majlis-Majlis Perbandaraan Sandakan dan Tawau, setiap Pejabat Daerah dan setiap Pejabat Daerah Kecil (semuanya dirujuk sebagai Pihak Pentadbir Daerah) boleh mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kementerian Kewangan.
- 3.2 Pihak Pentadbir Daerah adalah dikehendaki untuk mengambil tindakan dan mematuhi garis-garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:
 - i. Menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk meneliti, menyelaraskan dan menyenaraikan keutamaan semua keperluan dan pelaksanaan projek di bawah program-program berkenaan;
 - ii. Mayor DBKK, Presiden-Presiden Majlis Perbandaraan, Pegawai-Pegawai Daerah dan Penolong-Penolong Pegawai Daerah Kecil hendaklah mengadakan konsultasi wakil-wakil rakyat di kawasan masing-masing mengenai keutamaan projek-projek yang perlu dilaksanakan;

Ruj : KEW(S) 100-4/1 KLT.4 (17)

Tarikh : 27 April 2021

- iii. Kos maksimum yang ditetapkan bagi sesuatu projek/kerja adalah sebanyak **RM150,000.00** sahaja. Sekiranya keperluan melebihi kos maksimum tersebut, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya atau Jabatan-jabatan lain yang berkaitan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (Persekutuan) untuk pertimbangan;
 - iv. Skop kerja yang dibenarkan adalah meliputi kerja-kerja yang sangat mendesak bagi penyelenggaraan jalanraya yang tidak diselenggara oleh mana-mana pihak, paip graviti, jambatan gantung, laluan pejalan kaki, *low-level crossing*, perparitan, gabion dan lain-lain infrastruktur mengikut budibicara Kementerian Kewangan;
 - v. Permohonan hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:
 - a. Surat permohonan yang ditandatangani oleh Presiden Majlis Perbandaran, Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan);
 - b. Skop Kerja dan Senarai Kadar Harga (BQ) yang terperinci dan yang disahkan;
 - c. Gambar lokasi projek yang jelas dan disahkan; dan
 - d. Lain-lain dokumen sokongan jika perlu.

***Borang senarai semak permohonan adalah seperti di LAMPIRAN A.**
 - vi. Semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan mestilah mematuhi peraturan di bawah Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan dan tertakluk kepada surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 18 Tahun 2009. Semua projek mestilah dilaksanakan melalui sebutharga dan tiada pengecualian akan diberikan; dan
 - vii. Setelah kerja selesai, laporan bergambar hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan rekod dan rujukan.
- 3.3 Kementerian Kewangan akan membuat keputusan dan mengeluarkan Waran Peruntukan setelah perkara di Perenggan 3.2 (i) hingga (v) dipenuhi, sekiranya diluluskan.

Ruj : KEW(S) 100-4/1 KLT.4 (17)

Tarikh : 27 April 2021


- 3.4 Tarikh luput Waran Peruntukan adalah pada 30 November tahun yang berkaitan. Semua Pentadbir Daerah adalah diingatkan untuk mematuhi semua garis panduan dan syarat-syarat yang dinyatakan di bawah perenggan 3.2. Semua Waran Peruntukan yang dikeluarkan MESTILAH dibelanjakan sepenuhnya pada tahun semasa. Jika gagal, maka peruntukan pada tahun hadapan akan dipotong/diselaraskan dengan jumlah yang dipohon semula (*revote*).

4. PEMAKAIAN

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada **01 Mei 2021** dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling lain yang berkaitan.
- 4.2 Pekeliling yang terdahulu rujukan KEW(S).100-4/1 Klt.3/() bertarikh 3 Januari 2017 dan KEW(S).100-10/4/11 KLT.4 bertarikh 23 Disember 2019 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



[HAJI RUSDIŃ RIMAN C.A(M), FCPA, CPFA]

Setiausaha Tetap

s.k. Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88000 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Audit Negara
Cawangan Negeri Sabah
Aras 4, Blok A
Blok Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
88450 KOTA KINABALU

LAMPIRAN A**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PROJEK-PROJEK DI BAWAH PROGRAM INFRASTRUKTUR SOKONGAN DAN PROGRAM PENYENGGARAAN DAN MENAIKTARAF JALANRAYA**

BIL.	PERIHAL	ADA (√) / TIADA (X)
1	Surat permohonan oleh Pejabat Daerah / DBKK / MPT / MPS	
2	Skop kerja / Perincian Kos (BQ) disediakan dan disahkan oleh Pejabat Daerah / DBKK / MPT / MPS	
3	Gambar Projek / Lokasi projek yang jelas menggambarkan keperluan projek yang disahkan oleh Pejabat Daerah/DBKK/MPT/MPS	
4	Surat permohonan dari pemohon (jika ada)	
5	Surat sokongan daripada Ahli DUN/ Parlimen (jika ada)	
6	Dokumen sokongan (jika ada)	
7	Lain-lain (jika ada)	